

Malaysia-Singapura buka sempadan udara

UM - 9/11/2021 m/s: 3

Oleh **MOHD. FADHLI**
MOHD. SULAIMAN
fadhli.sulaiman@mediamulia.com.my



PETALING JAYA: Pengembara yang sudah mendapatkan suntikan lengkap vaksin Covid-19 kini berpeluang melakukan perjalanan rentas sempadan antara Malaysia dan Singapura menerusi program Lorong Perjalanan Ber-vaksin (VTL) yang akan dilancarkan bermula 29 November ini.

Di bawah program bersama dua negara berkenaan, ia akan dilancarkan di antara dua lapangan terbang iaitu Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA) dan Lapangan Terbang Antarabangsa Changi.

Perdana Menteri, Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob berkata, pelaksanaan VTL adalah salah satu pencapaian penting berhubung kerjasama antara kedua-dua negara yang sudah terjalin sejak sekian lama.

Bagaimanapun katanya, VTL tertakluk kepada ujian saringan kesihatan Covid-19 sebagai ganti daripada seseorang pengembara menjalani tempoh kuarantin atau perintah duduk di rumah.

"Dengan inisiatif ini, VTL akan membenarkan perjalanan kedua-dua negara secara beransur-ansur membuka semula sempadan secara bertanggung-



ISMAIL Sabri Yaakob dan Lee Hsien Loong ketika membincangkan mengenai pembukaan sempadan udara antara Malaysia dan Singapura, semalam.

jawab dengan mengimbangi keperluan untuk memulihkan ekonomi di samping memastikan keselamatan dan kesihatan rakyat kita daripada pandemik Covid-19.

"Saya mengakui Covid-19 telah menjejaskan hubungan orang ramai antara dua negara, malah ada keluarga yang sudah terpisah selama beberapa bulan.

"Memandangkan Singapura dan Malaysia sudah mencapai

kadar vaksinasi yang signifikan dan menguruskan pandemik Covid-19, kami bersetuju sudah tiba masanya untuk menyambung semula perjalanan rentas sempadan secara progresif dengan cara yang selamat," katanya dalam kenyataan bersama di sini semalam.

Kenyataan itu hadir selepas Ismail Sabri berhubung melalui telefon dengan Perdana Menteri Singapura, Lee Hsien Loong.

Dalam pada itu, Ismail Sabri

berkata, kedua-dua negara akan meneliti untuk membenarkan perjalanan rentas sempadan melalui jalan darat dalam masa terdekat melalui Tambak Johor dan jambatan kedua dengan mengambil kira situasi kesihatan awam di kedua-dua kawasan.

Sementara itu, Hsien Loong berkata, pihaknya amat gembira kerana kedua-dua negara akhirnya dapat melaksanakan semula perjalanan rentas sempadan.